

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : ( ) JLN760/1Jld.  
Tarikh : Julai 2017

Yang DiPertua,  
Majlis Daerah Kuala Selangor,  
Jalan Majlis,  
45000, Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
**(U.p.: Pn. Norazean Binti Abd Rahman)**

Tel. : 03-328 91439  
Faks : 03-328 91101

Puan,

**CADANGAN KAJIAN PELAKSANAAN PELAN INDUK LANDSKAP UNTUK  
MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR 2018.**

**- *Permohonan Maklumat Dan Data Di Tapak***

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pembangunan Landskap, Jabatan Landskap Negara sedang menyediakan Terma Rujukan bagi lantikan perunding Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Kuala Selangor untuk penyenaraian dalam permohonan projek Rancangan Malaysia ke 11 (RMK-11). Sehubungan dengan itu, satu taklimat tapak dan lawatan bermula **13 hingga 14 Julai 2017** (Lihat Jadual).

3. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan memohon kerjasama daripada pihak tuan/puan untuk bersama-sama dalam sesi lawatan tersebut bagi memberikan maklumat yang berkaitan dalam membantu pegawai jabatan membuat lawatan dan penilaian tapak kawasan cadangan.

4. Berkaitan dengan itu juga, pihak Jabatan memohon jasa baik bagi pihak tuan/puan untuk mengemukakan perkara-perkara berikut semasa sesi lawatan bagi penyediaan pengumpulan maklumat terkini bagi kajian berkaitan Daerah Kuala Selangor iaitu:

- i. Sesalinan Draf Rancangan Tempatan Daerah Kuala Selangor
- ii. Pelan kawasan pentadbiran dan operasi Majlis Daerah Kuala Selangor
- iii. Pelan asas dan gunatanah Daerah Kuala Selangor

5. Kerjasama dan perhatian pihak tuan/puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**\*BERKHIDMAT UNTUK NEGARA\***

**\*1Malaysia:Negara Taman\***

Saya yang menurut perintah,

**(NURSHIKHAH BINTI DAUD)**

b.p.: Ketua Pengarah

Jabatan Landskap Negara

*S.k. - Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)  
Jabatan Landskap Negara*



**JADUAL PERJALANAN MESYUARAT DAN LAWATAN TAPAK BAGI KAJIAN PELAN  
INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR, SELANGOR DARUL EHSAN**

<b>Tarikh/Hari</b>	<b>Masa</b>	<b>Aktiviti</b>	<b>Catatan</b>
13 Julai 2017 (Khamis)	8.00	Perjalanan	-
	9.30	Taklimat kawasan kajian	-
	11.00	Lawatan ke kawasan kajian	Kawasan kajian ditentukan oleh pihak Majlis Daerah Kuala Selangor dengan menaiki kenderaan Majlis
14 Julai 2017 (Jumaat)	9.30	Lawatan Tapak kajian	-
	2.00	Perjalanan	-

Pegawai Bahagian Pembangunan Landskap yang akan hadir ialah :

<b>Bil.</b>	<b>Pegawai Terlibat</b>	<b>Bidang Tugas</b>
1.	En. Faizal bin Nashahar	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pegawai Projek</li> <li>- Menenal pasti kawasan kajian yang berpotensi untuk pembangunan landskap</li> </ul>
2.	Cik. Faiezah binti Norjinal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengumpul maklumat dan analisa tapak kajian</li> </ul>
3.	En. Muhamad Syakir bin Mohamad Kamal	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Membantu pegawai dalam mendapatkan maklumat dan analisa tapak kajian</li> <li>- Jurukamera</li> </ul>